SAMPEL PERCUMA

Soalan Pemahaman Bahasa Melayu Tahun 6 + Skema

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 6

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

6. Sebaik sahaja sampai di rumah, Fairus menuju ke dapur kerana perutnya sangat lapar. Apabila membuka tudung saji, makanan kegemarannya telah tersaji.

Apakah yang akan dilakukan oleh Fairus selepas itu?

A. Tidur
B. Mandi
C. Makan
D. Keluar

7. "Sudah sepurnama _____ tersesat di hutan ini," kata Panglima Awang Hitam kepada Panglima Hujan Panas.

A. patik
B. beta
C. tuan hamba
D. hamba

Soalan 8 *berdasarkan gambar di bawah.*



8. Pak Uda Hassan membeli _____ tanah hitam untuk menyemai anak lada besar di tepi rumahnya.

A. berkampit-kampit
B. berbidang-bidang
C. berkilo-kilo
D. berbakul-bakul

9. *Pilih* **simpulan bahasa** *yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.*

Para pekerja di tapak binaan itu _____ kerana hendak menyiapkan bangunan tersebut mengikut masa yang ditetapkan.

A. berpeluk tubuh
B. mandi peluh
C. ada hati
D. ringan tulang

10. Segala ilmu yang berguna akan memberi faedah kepada sesiapa yang mengamalkannya.

Pilih **perkataan sinonim** *bagi* faedah.

A. manfaat
B. peluang
C. makna
D. kelebihan

11. Syarikat jualan langsung itu untung berpuluh ribu ringgit hasil penipuan yang dilakukan.

Pilih **perkataan antonim** *bagi* untung.

A. rugi
B. lenyap
C. muflis
D. hilang

12. *Pilih* **ayat tanya** *yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Harga majalah Dewan Pelajar ini ialah enam ringgit.

A. Majalah Dewan Pelajar ini kamu yang punya?
B. Kamu beli majalah Dewan Pelajar ini di mana?
C. Berapakah harga majalah Dewan Pelajar ini?
D. Siapakah yang membeli majalah Dewan Pelajar ini?

Soalan 13 dan 14.

Pilih ayat yang **betul**.

13. A. Tolong jangan berbuat bising ketika berada di pusat sumber sekolah.
B. Pilihlah mana-mana buku ulang kaji lengkap UPSR yang kamu suka.
C. Ibu memarahi adik kerana menconteng meja dengan penanda pena.
D. Cikgu Ridzuan mengucapkan terima kasih di atas pertolongan anak muridnya.

14. I. Oleh kerana kakinya terseliuh, dia tidak datang untuk menjalani latihan hoki.
II. Kertas-kertas kerja persidangan tersebut telah dibentangkan oleh Guru Cemerlang.
III. Sumbangan derma itu telah diagih-agihkan dalam kalangan murid fakir dan miskin.
IV. Di dalam perbincangan itu, mereka bersetuju melantik Haikal sebagai ketua kelas.

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

Soalan 15

Pilih ayat yang **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

15. Ketua Kampung akan menyaksikan perlawanan bola sepak itu sebelum menyampaikan piala pusingan.

A. Ketua Kampung menyampaikan piala pusingan selepas menyaksikan perlawanan bola sepak itu.
B. Piala pusingan akan disampaikan oleh Ketua Kampung setelah menyaksikan perlawanan bola sepak itu.
C. Piala pusingan telah disampaikan oleh Ketua Kampung sebelum menyaksikan perlawanan bola sepak itu.
D. Sebelum menyaksikan perlawanan bola sepak, Ketua Kampung telah menyampaikan piala pusingan itu.

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, Cikgu Ramlah Yusof, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Selamat sejahtera dan selamat petang saya ucapkan. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana mengadakan majlis yang sungguh bererti buat saya ini.

Saya sangat bersyukur kerana meraih kejayaan yang cemerlang ini. Terpilih sebagai Murid Contoh bagi seluruh negeri Selangor, merupakan kenangan paling manis buat saya. Sesungguhnya, kejayaan ini ialah hasil dorongan, tunjuk ajar dan kerjasama Guru Besar, guru-guru, keluarga, dan rakan-rakan.

Hadirin yang dihormati,

Sebagai anak yang sentiasa dalam kesempitan hidup, saya amat sedar akan perlunya usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengubah corak hidup saya. Kepada ibu yang dikasihi, inilah juga tanda terima kasih saya terhadap pengorbananmu selama ini. Saya yakin rakan-rakan di dewan ini mampu berjaya seperti saya. Yakinlah bahawa *di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan sekelas saya yang juga berjaya mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR yang lalu. Syabas kepada guru-guru yang bertungkus lumus membimbing kami yang seramai 25 orang sehingga berjaya.

Hadirin yang dihormati,

Akhir kata, sebelum saya mengundurkan diri, terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam kejayaan ini. Tanpa kalian, siapalah kami.

Sekian, terima kasih.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B
[30 *markah*]

Soalan 21

(a) Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

kerana	untuk	dari	kepada
supaya	lalu	atau	setelah

i. Helang terbang _____ suatu tempat ke suatu tempat untuk mencari makanan.

ii. _____ sekian lama mundar-mandir, akhirnya murid itu masuk ke dalam tandas.

iii. Emak mengisi lauk ke dalam bekas _____ menghulurkannya kepada kakak.

iv. Abang merendam baju sekolahnya sebelum dibasuh _____ menghilangkan kekotoran.

[4 markah]

(b) Nyatakan **betul** *atau* **salah** *bagi ayat-ayat di bawah.*

Contoh:
Sungai yang mengalir di kaki bukit itu sangat putih airnya. **Salah**

i. Kain batik itu sangat halus buatannya. ☐

ii. Azlan menghadiri kelas tuisyen setiap hari Sabtu. ☐

iii. Arneeza bukan dapat menghadiri majlis perkahwinan kawannya. ☐

[3 markah]

Soalan 22

(a) Tandakan (√) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

i. Di atas meja itu terdapat lima _____ tembikai susu.

- biji ( )
- tandan ( )
- buah ( )

ii. Di tepi jalan itu terdapat beberapa _____ sampah untuk dibakar.

- kumpulan ( )
- lembar ( )
- longgok ( )

[2 markah]

(b) Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.



Ridzuan yang berjaya dalam perniagaannya di bandar tetap tidak lupa kampung halaman dan masih menghormati orang-orang kampungnya seperti kata peribahasa _____

_____

_____

_____

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Permulaan proses perkahwinan ialah merisik atau meninjau. Biasanya dilaksanakan oleh keluarga pihak lelaki, khususnya ibu bapa. Usaha merisik dijalankan untuk mengetahui sama ada gadis itu sudah berpunya atau tidak.

Meminang si gadis hanya dilakukan apabila keluarga si gadis menyatakan persetujuannya. Tugas meminang biasanya dilakukan oleh wakil kedua-dua belah pihak. Semasa meminang akan ditetapkan tarikh menghantar tanda. Perkara-perkara yang dibincangkan semasa upacara peminangan ialah hantaran belanja, persalinan dan tempoh bertunang. Semasa upacara menghantar tanda, kebiasaannya sebentuk cincin akan dihantar oleh pihak teruna untuk disarungkan ke jari tunangannya.

Upacara akad nikah dijalankan sebelum upacara bersanding. Imam mewakili wali perempuan menjadi jurunikah. Dalam upacara ini juga disahkan hantaran dan lain-lain. Mas kahwin disebut sama ada hutang atau tunai. Mas kahwin akan diserahkan kepada pengantin perempuan dan menjadi haknya. Daripada saat ini sahlah mereka menjadi suami isteri.

Dihari persandingan, jamuan diadakan secara besar-besaran di rumah pengantin perempuan. Pengantin lelaki serta rombongannya akan diarak dan diiringi dengan selawat dan pukulan kompang dari rumahnya atau tempat persinggahannya ke rumah pengantin perempuan.

(a) Mengapakah adat merisik ini perlu dimulakan terlebih dahulu sebelum proses peminangan berlaku?

_____

_____

_____

[2 markah]

(b) Pada pendapat kamu, adakah adat perkahwinan ini akan kekal dalam keadaan masyarakat hidup dalam serba moden ini?

_____

_____

_____

_____

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 25

Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pergi ke pasar membeli ikan,
Ikan sardin dibuat laksa;
Hidup muhibah perlu diamalkan,
Di negara Malaysia berbilang bangsa.

Anak dara berbaju kebaya,
Gaya menawan seorang ratu;
Walaupun berlainan bangsa budaya,
Kerana muhibah hidup bersatu.

Manis sekali sibuah pulasan,
Pulasan dimakan janganlah segan;
Bekerjasama segala urusan,
Kerja berat menjadi ringan.

Tidur lena berbantal lengan,
Bangun tidur menjamah ladu;
Bermacam keturunan bukan halangan,
Untuk membina bangsa yang padu.

(a) Apakah maksud rangkap pertama pantun di atas?

_____

_____

[2 markah]

(b) Apakah faedah bekerjasama?

_____

[1 markah]

(c) Tandakan (√) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

i. Hidup muhibah amalan masyarakat yang mulia. ( )

ii. Keturunan berlainan halangan bangsa untuk bersatu. ( )

[2 markah]

(d) Terangkan maksud baris-baris pantun di bawah ini.

"Bermacam keturunan bukan halangan,
Untuk membina bangsa yang padu."

_____

_____

_____

[3 markah]

Kertas soalan tamat

[Lihat halaman sebelah

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. A
2. C
3. A
4. B
5. D
6. C
7. D
8. A
9. B
10. A
11. A
12. C
13. B
14. B
15. B
16. D
17. D
18. B
19. B
20. D

BAHAGIAN B

Soalan 21

(a) (i) dari
(ii) Setelah
(iii) lalu
(iv) untuk

(b) (i) betul
(ii) salah
(iii) salah

Soalan 22

(a) (i) biji
(ii) longgok

(b) ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk.

[Lihat halaman sebelah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 6

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar